

10/07/2004

Cabaran Tengku Razaleigh - bila akan berakhir?

By Kalimullah Hassan

AKHIRNYA Tengku Razaleigh Hamzah sekali lagi membuat keputusan untuk mengejar impiannya bahawa beliau ditakdirkan untuk memimpin Umno dan Malaysia.

Selama 23 tahun Ahli Parlimen Gua Musang itu dengan tabah mengejar impiannya walaupun ia membawa bahana kepada dirinya, tetapi malangnya bahana lebih besar kepada Umno negara.

Semalam, di bahagiannya di Kelantan, beliau menawarkan diri untuk jawatan Presiden Umno "kerana belum ada orang lain berbuat demikian".

Adakah ini bermakna beliau adalah pendukung unggul demokrasi yang mahu memberikan ahli Umno 'satu pilihan demokratik?' Atau apakah beliau bermaksud bahawa dalam demokrasi perlu ada pertandingan untuk membuktikan demokrasi wujud?

Pastinya, ada sesuatu yang tak kena dengan pemimpin Umno lain yang tidak terpenggil untuk menawarkan diri mereka untuk jawatan itu. Apakah pemimpin berkenaan tidak memahaminya? Atau Tengku Razaleigh sendiri yang tidak memahaminya?

Hujah Tengku Razaleigh ialah jawatan presiden Umno masih kosong dan ahli Umno perlu mempunyai 'pilihan demokratik' dalam menentukan siapa yang bakal mengisinya.

Beliau juga berkata bahawa keputusannya menawarkan diri adalah kerana 'permintaan akar umbi Umno' dan beliau 'menawarkan' diri dan pertandingan merebut jawatan Presiden Umno hanya akan berlaku 'jika' beliau mendapat cukup pencalonan.

Semuanya kedengaran tidak salah. Mengapa pula orang lain mesti menafikan 'hak demokratik' Tengku Razaleigh untuk menawarkan diri? Tak seorang pun patut berbuat demikian.

Beliau mempunyai hak untuk 'menawarkan' diri. Menawarkan diri bunyinya sangat elok. Tetapi dalam bahasa Umno, semua orang tahu apabila seseorang itu menawarkan diri, maksud sebenarnya ialah 'hoi, saya nak bertanding. Tolong calonkan saya.'

Maka pesta pun bermula. Gurkha (tukang kempen dalam pertandingan ini) pula mendapat alasan untuk mengutuk, memperlekeh dan memecah belah.

Tengku Razaleigh mempercayai ketentuan nasibnya. Pada tahun 1970-an, majalah Time menyenaraikan beliau dan Tan Sri Musa Hitam sebagai orang yang kemungkinan besar menerajui Malaysia pada masa depan. Musa bersara daripada politik pada 1989 selepas kehilangan jawatan Timbalan Presiden. Walaupun kekal sebagai seorang tokoh negara, beliau tidak memakan umpan penyokongnya yang mahu mengheret beliau kembali.

Tetapi Tengku Razaleigh tentunya mempunyai kepercayaan teguh terhadap ramalan majalah Time itu.

Pada 1981 apabila berlaku kekosongan bagi kedua-dua jawatan presiden dan timbalan presiden selepas Tun Hussein Onn bersara, beliau tidak pula mencabar jawatan teratas, sebaliknya bertanding jawatan kedua.

Sudah tentu seseorang boleh dimaafkan kerana menyangka bahawa pada masa itu Tengku Razaleigh menerima Tun Dr Mahathir Mohamad yang tidak dicabar sebagai presiden Umno sebagai calon terbaik untuk jawatan itu.

Maka beliau dan Musa bertarung merebut jawatan timbalan presiden.

Menjelang pertandingan itu, Tengku Razaleigh dengan yakin mengisytiharkan bahawa beliau akan menang. Tetapi beliau kalah dan Musa menjadi timbalan presiden dan timbalan perdana menteri.

Pada 1984, tidak ada kekosongan. Tetapi Tengku Razaleigh masih percaya

beliau mempunyai `sokongan akar umbi Umno' dan sekali lagi mencabar Musa. Beliau kalah sekali lagi.

Kemudian, pada 1985, Musa meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana perbezaan pendapat dengan Dr Mahathir. Musa diganti oleh Tun Ghafar Baba. Razaleigh dan Musa berpakat pada 1987 untuk mencabar Dr Mahathir. Tiada kekosongan jawatan tetapi Tengku Razaleigh percaya beliau mempunyai `sokongan akar umbi'. Musa pula mempertahankan jawatan timbalan presiden.

Tengku Razaleigh kalah sekali lagi dan kali ini Musa turut tewas.

Tetapi penyokong Tengku Razaleigh percaya beliau sepatutnya menang dan masih mempunyai sokongan akar umbi lalu mencabar keputusan itu di mahkamah. Mereka kalah. Begitu juga Umno. Ia diisytihar sebagai parti tidak sah dan pendaftarannya dibatalkan.

Dr Mahathir menubuhkan parti baru yang digelar Umno Baru, manakala Tengku Razaleigh menubuhkan lawannya, Parti Semangat 46 yang dinamakan berdasarkan tahun 1946, iaitu Umno asal ditubuhkan.

Pada mesyuarat pertama jawatankuasa penaja Umno Baru, membabitkan Dr Mahathir dan pemimpin Umno Baru, termasuk Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak, kutipan wang dibuat bagi proses pendaftaran semula Umno Baru.

Umno Baru tiada wang, tiada jentera, tiada prasarana dan segala-galanya perlu dibina semula. Ia adalah proses begitu perlahan dan memeritkan yang mengambil masa beberapa tahun. Dalam tempoh itu, pelabur menjauhkan diri kerana keadaan tidak menentu. Orang Melayu berpecah, manakala kemarahan dan ketegangan meruap-ruap ketika parti pembangkang cuba mengambil kesempatan daripada keadaan itu.

Pada pilihan raya umum 1990, Tengku Razaleigh berpakat dengan seteru politik Umno, Pas dan DAP, serta berjaya memikat penyertaan Parti Bersatu Sabah (PBS), sekutu Umno untuk menentang Barisan Nasional (BN).

Sekali lagi, Tengku Razaleigh dengan penuh yakin memberitahu pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang bahawa pakatan pembangkangnya itu akan `menang' pilihan raya.

Sekali lagi, proses demokrasi membuktikannya salah. Pakatannya tewas. Tengku Razaleigh hanya berjaya menjamin BN kalah di Sabah dan Kelantan.

Pada 1995, ramai rakan Tengku Razaleigh meninggalkannya untuk kembali ke pangkuan Umno. Pada pilihan raya umum tahun itu, Semangat 46 hampir lenyap sama sekali. Sabah kembali ke tangan BN pada 1994 tetapi sekali lagi BN tewas di Kelantan.

Pada 1997, akhirnya Tengku Razaleigh menawarkan perdamaian demi perpaduan, Dr Mahathir melupakan sengketa dan menerima Tengku Razaleigh serta pengikutnya kembali dalam Umno.

Dr Mahathir amat baik hati dan tidak buruk sangka sehingga melantik Tengku Razaleigh mengetuai Umno Kelantan, memberikannya peluang menebus balik kesilapan dengan mengembalikan Kelantan ke pangkuan Umno.

Malangnya, pada pilihan raya umum 1999, Umno Kelantan yang diketuai Tengku Razaleigh menunjukkan prestasi buruk - menang hanya satu kerusi Parlimen dan dua kerusi Dewan Undangan Negeri di kawasan Parlimen Gua Musang.

Isu Anwar Ibrahim dipersalahkan sebagai punca kekalahan di Kelantan walaupun Umno menang di semua negeri lain kecuali Terengganu, hatta dengan kemenangan tipis.

Pada 2000, Tengku Razaleigh cuba bertanding jawatan Timbalan Presiden yang kosong selepas Anwar dipecat tetapi cubaan untuk mencalonkannya tidak berhasil apabila penyokongnya tewas pada peringkat bahagian.

Abdullah terus mara untuk menjadi Timbalan Presiden apabila Tengku Razaleigh menerima hanya dua pencalonan untuk jawatan itu dan satu untuk jawatan Presiden.

Pada 2001, Abdullah merencanakan kepulauan PBS ke pangkuan BN. Rangkaian terakhir kepada pakatan Semangat 46 terputus dan kedua-dua Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan dan timbalannya, Datuk Dr Maximus Ongkili, berterima kasih kepada Abdullah dan Dr Mahathir, berulang kali berikrar setia kepada Perdana Menteri baru.

Pada 2003, Dr Mahathir bersara dan Abdullah menjadi Perdana Menteri serta Pemangku Presiden Umno. Pada 2004, Abdullah mengetuai Umno dan BN untuk mencatat kejayaan paling gemilang dalam pilihan raya umum sejak merdeka, merampas kembali Terengganu dan hampir menewaskan Pas di Kelantan.

Pasukan baru di Kelantan, walaupun dilantik oleh Dr Mahathir, kebanyakannya dipilih sendiri oleh Abdullah.

Sekarang, pada 2004, Tengku Razaleigh mahu bertanding jawatan Presiden Umno kerana `ada kekosongan' dan kerana `akar umbi' mahukannya bertanding. Phew! Sekali lagi?

Adakah akar umbi sama yang tidak sampai empat bulan lalu menyokong Umno dan BN yang diterajui Abdullah sehingga mencapai kejayaan besar sudah menukar pendirian mereka dengan begitu cepat? Apa yang sudah jadi dalam tempoh 100 hari sehingga mereka tiba-tiba mendesak Tengku Razaleigh mencabar Abdullah?

Mungkin kita tidak menyedarinya. Tetapi, hakikatnya tanpa mengira ada kekosongan atau tidak, Tengku Razaleigh sudah bertanding atau cuba untuk bertanding dua jawatan tertinggi Umno sejak 1981. Akar umbi sudah `bersuara' banyak kali, melainkan proses demokratik dalam Umno dan negara ini ada cacat cela sehinggakan pandangan majoriti menerusi peti undi Umno pada 1981, 1984, 1987 dan 2000 serta pilihan raya umum 1990, 1995, 1999 dan 2004, bukan petunjuk sebenar perasaan `akar umbi'.

Tengku Razaleigh patut dibenarkan untuk bertanding. Sekali lagi. Tetapi mungkin, masa sudah tiba baginya untuk memutuskan di mana penghujungnya pencarian ketentuan yang diyakininya.

Apakah hak demokratik Tengku Razaleigh berbaloi dengan apa yang berlaku dalam Umno dan negara sejak 1981 berikutan tindakan dan cabarannya?. Bilakah semuanya akan berakhir?

(END)